

MEDIA WARGA KOTA Wilayah KU

● BIL 75 ● 4 - 10 SEPTEMBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

Prihatin ungkapan keramat masa kini - Prof Azmi

PRIHATIN. Ungkapan keramat yang sesuai dengan keadaan negara masa kini serta menafsirkan semua peringkat rakyat. Mengambil konsep

Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin sebagai contoh, Pakar Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia, Prof Dr Azmi Hassan mengatakan,

konsep itu bukan hanya penjenamaan semata-mata tetapi berpaksikan matlamat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai tempat yang

selesa didiami dan mudah berurus niaga. Ia juga menggabungkan kesemua 13 teras utama Wilayah Prihatin yang mana

ia adalah idea terbaik untuk Kuala Lumpur yang menongkah arus persepsi lazim yang penuh cabaran.

ULASAN PENUH DI MUKA 4

Bersihkan Kuala Lumpur dari pada pelacuran



GEMPUR... Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur sarang pelacuran di Jalan Petaling dalam operasi bersepudu bersama agensi penguatkuasa yang lain untuk membersihkan ibu kota daripada aktiviti haram dan maksiat.

BERITA LANJUT MUKA 3

4/9/20 p1 KWP cakna masalah rakyat



ROSIDA

SELARAS perutusan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menjadikan inisiatif Prihatin Rakyat sebagai prinsip utama kerajaan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) terus mengorak langkah membela nasib dan kebajikan warganya.

Malah, KWP juga sudah mengorak langkah dan menyediakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada penduduk Wilayah Persekutuan.

Menurut Ketua Setiausaha, Datuk Rosida Jaafar, KWP sentiasa mendokong hasrat kerajaan dalam mengutamakan kepentingan rakyat.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

Annuar mahu Putrajaya 'hidup' selepas waktu pejabat

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

MENTERI Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berhasrat 'menghidupkan' Putrajaya selepas waktu pejabat menerusi penganjuran pelbagai aktiviti menarik.

Ujar beliau, dengan penganjuran seperti Perkampungan Quran dan Muzium Realiti Maya, diharapkan pusat pentadbiran negara terus menjadi tumpuan orang ramai terutama pelancong luar.

"Kita galakkan kalau ada penyertaan pelabur dan pihak swasta membawa acara atau mengadakan pembangunan tertentu yang boleh menyokong sektor pelancongan di sini.

"Putrajaya mempunyai segala kemudahan asas dan kita ingin menjadikannya sebagai satu bandar yang hidup selain dikekalkan sebagai sebuah bandar ikonik, bersih, hijau serta



JALUR Gemilang dikibarkan Unit Berkuda APM semasa perarakan berkuda pada Ahad.

bandaraya pintar.

"Kita juga merancang untuk membaiki sistem pengangkutan awam di Putrajaya dan melihat kepada pelaksanaan pengangkutan awam yang lebih baik di sini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Perarakan 88 Pasukan Berkuda Perkhidmatan Awam Sempena Sambutan

Bulan Kemerdekaan dan Sambutan Jubli Perak Perbadanan Putrajaya sejauh 6.7 kilometer di Dataran Putrajaya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Annuar berkata, kerajaan berbangga dengan pencapaian PPj selama 25 tahun ini, terutama dalam pengurusan Putrajaya.

Ujar beliau, Kertas Jemaah Menteri juga sudah

disiapkan dan disertakan dengan syor bagi membolehkan cadangan kerjasama bersama pihak swasta dalam memperbanyakkan perumahan awam.

Katanya, ia sebagai usaha untuk meningkatkan jumlah populasi di Putrajaya daripada 100,000 ketika ini kepada 300,000 pada masa hadapan.

Selain itu, Annuar berkata, jemaah menteri juga sudah meminta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk memberi perhatian khusus dalam mempromosi dan membangunkan aspek pelancongan di Putrajaya.

Terdahulu, Perarakan Pasukan Berkuda diketuai Aminuddin disertai Unit Berkuda PPj, Unit Berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Unit Berkuda Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Briged Ekuin Angkatan Pertahanan Awam (APM).

WK

Selepas PBKL, KWP ikrar 'merdekakan' Jalan Petaling

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan berikrar mahu 'memerdekaan' Jalan Petaling atau lebih dikenali sebagai 'Petaling Street' daripada peniaga warga asing yang lagak seperti gangster.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Dr Santhara Kumar**, berkata pihaknya menerima laporan bahawa golongan terbabit menjalankan perniagaan ala samseng termasuk menggugut pelanggan dan pengunjung selain menawarkan khidmat pelacuran di kawasan itu.

"Kita mahu memerdekaan Petaling Street. Bandar kita kalau penuh dengan peniaga warga asing di Petaling Street, apakah erti kemerdekaan kepada warga Kuala Lumpur."

"Ketika ini, kita giat menjalankan operasi, ini

baru peringkat permulaan dan kita tidak akan berhenti. Kita mahu menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dan tidak mahu tunduk kepada tekanan politik.

"Saya merayu orang awam menyalurkan maklumat berkaitan kepada pihak berkuasa untuk tinjukan susulan," katanya pada sidang akhbar sempena Operasi Tebah yang diketuai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Imigresen, polis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Datuk Ibrahim Yusoff.

Mengulas operasi itu, Santhara berkata, pihaknya telah menjalankan risikan selama tiga minggu ke atas tujuh premis pelacuran dan mendapat 'bapa ayam' telah mengupah "mata-mata" ser-



PENGUASA DBKL menyita barang daripada premis haram di Jalan Petaling baru-baru ini.

ta memasang kamera litar tertutup (CCTV).

"Sebahagian premis itu turut didapati mengubah suai struktur bangunan dan membuat pintu rahsia yang ditempatkan di kedai runcit bagi mengelakkan kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa.

"Kita akan terus jalankan operasi, kalau perlu setiap minggu kita akan berbuat demikian. Kalau

perlu, dua kali sehari pun kita akan buat," katanya.

Santhara memberitahu, menerusi operasi tersebut, pihaknya berjaya menahan lapan orang lelaki warga asing dipercayai pelanggan di beberapa rumah pelacuran dan turut merampas 78 barang termasuk kondom, tilam dan bantal, selain memecahkan 164 papan atau sekatan antara bilik," katanya. WK

CERITA KEDAI KOPI

Menang bergaya di Slim, BN yakin hadapi PRU-15

SEPERTI diduga, Barisan Nasional (BN) berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim, Perak, dalam pilihan raya kecil (PRK) 29 Ogos lalu. Kali ini majoritinya lebih besar.

Calon BN, Mohd Zaidi Aziz memperoleh 13,060 undi sementara calon bebas yang disokong oleh Pakatan Harapan (PH), Amir Khusairy Mohd Tanusi memperoleh 2,115 undi. Seorang lagi calon Bebas, S. Santharasekaran hanya memperoleh 276 undi.

Ini bererti Mohd Zaidi memperoleh majoriti 10,945 undi berbanding 2,183 majoriti yang diraih oleh Mohd Khusairy Abdul Talib pada Pilihanraya Umum (PRU-14). Allahyarham memperoleh 8,327 undi; calon Bersatu, Mohd. Amran Ibrahim 6,144 undi sementara calon Pas, Zulfadli Zainal mendapat 4,103 undi.

DUN Slim mempunyai 22,749 pengundi biasa dan 267 pengundi awal. Peratus keluar mengundi pula ialah 68.4 peratus. Secara tradisinya Slim dianggap kuat BN.

Ternyata berlaku perubahan mengundi yang sangat ketara pada PRK Slim yang membolehkan calon BN menang besar. Pertama, kerjasama Muafakat Nasional (MN) yang menggabungkan BN dan Pas membuatkan hasil. Dipercayai undi BN dan Pas diberikan secara total kepada calon BN.

Kedua, faktor perubahan angin di kalangan pengundi Cina dan India yang memberikan sokongan kepada calon BN. Ini terbukti apabila BN menang di 13 Pusat Mengundi Daerah (PDM). Dalam PRU-14, BN kalah di enam PDM yang majoriti pengundinya Cina dan India. Mereka dipercayai memberikan undi kepada calon PH ketika itu.

Perubahan sikap

Faktor perubahan inilah yang dipercayai membantu melonjakkan majoriti calon BN. Ia turut disokong oleh perubahan sikap di kalangan sebahagian besar pengundi Melayu yang sebelum ini mengundi PH tetapi beralih haluan mengundi BN.

Perubahan ini menjelaskan kenapa calon Bebas yang disokong PH gagal sekurang-kurangnya mempertahankan jumlah undi yang diperoleh pada PRU-14 melalui Bersatu. Undi yang diperoleh oleh Amir Khusairy dalam PRK Slim ini dipercayai datang daripada kelompok yang masih setia dengan PH.

Kemenangan besar di Slim pastinya menjadi pembakar semangat kepada BN untuk mencapai kejayaan lebih besar pada PRU-15. Sementara sokongan kepada BN kian melonjak, sokongan kepada PH dilihat semakin suram.

Kombinasi BN dan Pas dilihat semakin serasi dan ampuh. Jika kemenangan demi kemenangan yang dicapai oleh BN dalam PRK, termasuk di Slim, boleh dijadikan ukuran, ia menyerlahkan penyatuhan BN dan Pas dalam Muafakat Nasional (MN) semakin meyakinkan dan diterima oleh majoriti rakyat.

Dengan keyakinan ini ia bakal menjadi sandaran untuk menjadikan kejayaan lebih besar kepada BN menjelang PRU-15, tambahan jika usaha keras ke arah itu sentiasa dilakukan.

Namun keyakinan ini tidak seharusnya menjadikan Muafakat Nasional mudah leka dan berpuas hati. Sebaliknya usaha memperkuatkan gabungan perlu sentiasa dilakukan. Perlu diingat bahawa PRK tidak sama dengan PRU.

Pada masa sama, kehadiran Ahmad Khusairy sebagai calon muda mencuba nasib pada PRK Slim wajar diberi ucapan tahniah. Sekalipun tewas ia menyerlahkan semangat serta minat orang muda mencebur politik untuk sama-sama mewarnai suasana politik negara.

Tewas kali ini boleh cuba lain kali. Ke arah mana kecenderungan politik beliau tidak seharusnya menjadi isu kerana penyertaannya adalah sejarah dengan amalan demokrasi serta menyemarakkan perkembangan proses demokrasi itu sendiri. Lagi pun dalam politik tidak semua kekal, ada kala boleh berubah.

Idea besar konsep Wilayah Prihatin



AZMI HASSAN
Geostrategis UTM

BUKAN sahaja tema sambutan Hari Kemerdekaan ke 63 menggunakan ungkapan ‘prihatin’ iaitu Malaysia Prihatin yang mentafsirkan semua peringkat rakyat bersama-sama dengan kerajaan bekerjasama dalam menangani pandemik COVID-19, tetapi menarik perhatian juga apabila Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa melancarkan apa yang dilabel sebagai Konsep Wilayah Persekutuan (WP) Wilayah Prihatin.

Kritikalnya konsep ini, menurut Annuar, ialah ianya akan menjadi teras kepada pembangunan dasar yang melibatkan warga kota terutama sekali dalam menyelesaikan masalah dan isu yang dihadapi untuk jangka masa terkini dan hadapan.

Dalam bahasa mudah dasar yang digubal samada oleh kementerian beliau atau agensi berkaitan bukan sahaja untuk meyelesaikan masalah yang dihadapi pada masa ini tetapi juga jangkaan isu masa hadapan.

Sebab itu amat penting konsep ini bukan sahaja dihayati oleh penggubal dasar tetapi juga oleh warga kota.

Terdapat 13 teras utama konsep Wilayah Prihatin ini yang akan memandu setiap dasar yang dibentuk iaitu perumahan, usahawan, gelandangan, kemiskinan, keselamatan, pendidikan, perpaduan, keindahan, kebersihan, sukan, asraf, kehijauan dan seni budaya.

Teras tersebut sedikit sebanyak adalah manifestasi utama kemelut yang sering dihadapi oleh warga kota.

Konsep ini bukan sahaja setakat penjenamaan semata-mata tetapi berpaksikan matlamat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai

tempat yang selesa didiami, mudah berurusan niaga dan juga mesra alam sekitar.

Secara mudahnya konsep ini secara spesifik mahu menjadikan bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar yang berkualiti tinggi dalam semua hal.

Matlamatnya juga mahu menyerapkan perasaan bahawa warga kota begitu bangga menjadi penghuni kota raya ini.

Strateginya boleh dianggap selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang mana jika diinterpretasikan setiap dasar yang digubal untuk warga kota akan mengambil kira semua peringkat kepentingan dan ini diterjemahkan melalui 13 teras utama konsep tersebut.

Jika dilihat secara rambang mengenai tinjauan pendapat bandar terbaik dunia tidak kira samada sebagai tempat tinggal, lawatan jangka pendek atau kualiti kehidupan, bandaraya seperti Tokyo, Monte Carlo, Florence, Sydney, Amsterdam, New York atau London yang sering muncul dalam senarai.

Memang benar tinjauan ini bersandarkan pendapat seseorang, tetapi lazimnya pendapat tersebut tidak kira individu itu adalah pelancung, diplomat, ahli korporat atau perniagaan, kesemua pendapat tersebut diwarnai oleh pengalaman individu tersebut.

Putus Pentadbiran Putrajaya yang dibangunkan 25 tahun lepas berkemungkinan lebih mudah direalisasikan matlamat yang terkandung dalam pelan induk kerana ia bermula dari atas iaitu bagaikan lukisan yang terbentuk dari lakaran di atas kanvas kosong.

Tetapi Kuala Lumpur adalah berbeza dari Putrajaya kerana pembangunan Kuala Lumpur telah pun bermula sejak puluhan tahun lampau dan lazimnya secara ad hoc.

Demi melahirkan sebuah

“ Jika digabungkan kesemua 13 teras utama Konsep Wilayah Prihatin, ianya adalah satu idea besar untuk Kuala Lumpur yang menongkah arus persepsi lazim jika dikaitkan dengan arus permodenan kota ini yang penuh cabaran kerana bukan mudah untuk menyediakan konsep kehidupan sempurna dalam sebuah kota.

kota di mana warganya berbangga menjadi sebahagianya, ianya perlu bermula dari idea yang besar dan Konsep Wilayah Prihatin adalah sebahagian dari idea yang lebih besar ini.

Apabila Peter the Great mengilhamkan bandar St. Petersburg pada 1703, beliau mahu menjadikan bandar tersebut sebagai manifestasi empayar Rusia moden dengan menggunakan pakai konsep bandar Amsterdam yang pada ketika itu adalah hub perdagangan Eropah.

Begini juga apabila Chandigarh, India yang diilhamkan sebagai ibukota Punjab dan Haryana, idea besarnya ialah bandar dalam sebuah taman seperti yang kita sedia maklum iaitu Putrajaya.

Jika digabungkan kesemua 13 teras utama Konsep Wilayah Prihatin, ianya adalah satu idea besar untuk Kuala Lumpur yang menongkah arus persepsi lazim jika dikaitkan dengan arus permodenan kota ini yang penuh cabaran kerana bukan mudah untuk menyediakan konsep kehidupan sempurna dalam sebuah kota.

Ini adalah kerana gaya kehidupan bandar sentiasa dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan alam sekitar. Malah pandemik COVID-19 telah meletakkan faktor kesihatan sebagai faktor pemangkin utama juga.

Konsep Wilayah Prihatin tidak dianggap sebagai

Kompas baru Wilayah Persekutuan



KONSEP Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin yang digagas oleh Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa akan menjadi dasar penting dan terpercaya bagi membantu dan menyelesaikan masalah warga kota di masa hadapan. Melainkan 13 bidang yang dijadikan hakikat menyelesaikan Wilayah Persekutuan lebih dinamik tanpa memengaruhi manfa-mana pihak melalui kerjasama antara agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. 13 bidang utama tersebut juga akan menjadi payung kepada dasar, program dan perkembangan yang dilaksanakan untuk menyelesaikan sasaran sekaligus menjadi kompas baru hal tuju Wilayah Persekutuan.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

KERATAN muka depan Wilayahku Edisi 74.

pelan induk utama seperti yang dimiliki oleh Putrajaya kerana konsep ini adalah gabungan pelbagai teras yang dianggap perlaksanaan teras dilakukan mengikut keperluan semasa.

Umpamanya jika diambil teras kehijauan, salah satu faktor yang bakal menentukan kejayaan teras ini ialah perlaksanaan sistem pengangkutan yang mesra alam.

Ambil contoh bagaimana kebanyakan kota besar di Amerika Syarikat (AS) berjaya mengujudkan sistem jalanraya yang mesra pengguna dan juga alam sekitar.

Konsep yang digunakan perkongsian kemudahan jalanraya yang mula diperkenalkan pada 2005. Konsep ini memberi hak yang sama kepada pejalan kaki, pengangkutan awam dan juga kenderaan persendirian.

Konsep perkongsian ini sebenarnya telah menjadi begitu popular dan dilaksanakan untuk berbagai sektor yang merangkumi kehijauan di bandar.

Kotaraya Auckland, New Zealand umpamanya mengamalkan konsep Program Perkongsian Ruang iaitu satu konsep satu ruang tetapi pelbagai penggunaan.

Banjir kilat adalah fenomena lazim yang sering ditempuh oleh warga kota Kuala Lumpur.

Menggunakan konsep kebersamaan 13 teras

utama, penyelesaian masalah berulang ini bukan hanya mengambil kira faktor pembangunan struktur umpamanya pelebaran sungai atau kawasan tadahan, tetapi juga mengambil kira faktor kehijauan iaitu alam sekitar.

Ambil contoh bandar New Orleans, AS, yang terletak di bawah paras purata laut bergantung sepenuhnya kepada struktur mekanikal dengan mengepam air demi untuk mengelak bandar tersebut digelami air.

Taufan Katrina yang membabitai New Orleans pada 2005 jelas mempamerkan kelemahan sistem kawalan banjir yang hanya mengharapkan bantuan struktur mekanikal.

Dengan mengambil kira faktor kehijauan, Taman Air Mirabeau iaitu kawasan paya yang juga bertindak sebagai kawasan tadahan air diujudkan di pinggir New Orleans.

Penyelesaian gabungan struktur dan strategi kehijauan ini banyak digunakan di Eropah untuk menghadapi lebihan air hujan secara mendadak dan melalui Konsep WP Wilayah Prihatin ini akan mengabungkan elemen 13 tema bukan sahaja untuk mendepani banjir kilat tetapi akan diaplifikasi dalam semua dasar yang melibatkan warga kota.

Harapannya satu hari ini Kuala Lumpur umpamanya akan disenaraikan sebagai antara bandar yang berkualiti tinggi dalam serba hal dan warga kotanya berbangga menjadi sebahagian dari nadinya.

Tetapi sebelum semua harapan itu tercapai, warga kota perlu menghayati dan memberi kerjasama kejayaan Konsep WP Wilayah Prihatin.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izan Ahmad Nazri

WARTAWAN KANAN

Aini Roshidah Ahmad Mawawi
Azlan Zambray

WARTAWAN

Khairul Idin
Wong Siew Mun
Deel Anjer
Syahidi Bakar

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
Mohd Affandy Annur

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
Mohd Aminulhaq Farrij Hasan
Azly Fariq Ramly

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
V Kumar Veeran

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
Jumaitul Lailly Zakiah Ismail
Nurul Hazwani Haslan

PELATIH INDUSTRI

Alya Danisha Nazim